

Bimbing usahawan tembusi pasaran luar

Utusan Malaysia

16 Oktober 2017 | Isnin

Bimbing usahawan tembusi pasaran luar

MENYEDARI peluang yang amat besar yang ditawarkan oleh industri makanan dan minuman halal di seluruh dunia, TPM Biotech melabur lebih RM10 juta dalam pembangunan Makmal Sains Halal.

Kemudahan tersebut dilengkapi dengan teknologi terkini untuk ujian dan analisis keperluan halal selaras dengan penanda aras antarabangsa.

Kemudahan pengilangan di TPM Biotech Pahang dan Perlis telah memperoleh status Amalan Pengilangan Baik (GMP), yang diberikan oleh Biro Pengawasan Farmaseutikal Kebangsaan (BPFR), Kementerian Kesihatan.

Kedua-dua kemudahan mempunyai kapasiti pengeluaran bulanan gabungan yang menghasilkan 500,000 bunglous, produk GMP sebanyak 50,000 botol atau 3,000,000 dan cawan sehingga 10 tan sebulan. Untuk minuman, TPM Biotech itu boleh menghasilkan kira-kira 24,000 botol dan ekstrak beku kering sebanyak 200kg sebulan.

Menurut **Datuk Ahmad Fauzi Zahari**, kemudahan tersebut memperoleh akreditasi yang diiktiraf pada peringkat antarabangsa dengan ISO 9001:2008 dan EC 17025 pensijilan serta diluluskan halal oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim).

Di samping itu katanya, kawasan pemprosesan makanan Technology Park Malaysia (TPM) merupakan kemudahan Analisis Bahaya dan Titik Kawalan Kritikal (HACCP) yang bertauliah. Semua akreditasi, pensijilan dan kapasiti pengeluaran komersial yang besar ini menjadikan TPM Biotech



KEMUDAHAN pengilangan produk di Raub, Pahang.

pilihan utama bagi produk dan perkhidmatan pada peringkat akar umbi usahawan.

"Sejak tahun 2007, kami membantu lebih 1,800 *biopreneurs*, dan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dengan menyediakan kemudahan dan perkhidmatan pengeluaran yang diperlukan termasuklah antaranya makmal analisis, standard dan kawalan kualiti serta khidmat nasihat halal.

"Produk tersebut melibatkan makanan berasaskan herba, makanan tambahan, bahan-bahan dan pes untuk nutriseutikal (kapsul) produk. "Kami berbangga dengan beberapa *biopreneurs* dan PKS kita yang bermula dari bawah stiar pada mulanya dan telah menembusi pasaran global," ujarnya.

TPM juga kata beliau melabur RM20 juta dalam Pusat Inkubator Bioteknologi (BIC) untuk menggalakkan *biopreneurs* dan PKS untuk menjalankan

penyelidikan dan pembangunan (R&D). Ini juga untuk menarik pembangunan penyewa bioteknologi di dalam kampus TPM.

Walaupun TPM membantu lebih daripada 1,800 *biopreneurs* dan PKS, pihaknya percaya peluang perniagaan dalam sektor tersebut masih banyak dan terbuka luas untuk ekspolarasi baharu.

Lagipun, kata beliau, sektor bioteknologi adalah pelbagai dan terdapat peningkatan permintaan terhadap produk berasaskan herba dan semula jadi. Dengan bergerak ke hadapan untuk meneroka peluang-peluang baharu, pihaknya bekerjasama rapat dengan Be2C2M1 yang menceburi bidang e-dagang dan pemasaran.

Inisiatif tersebut berpotensi mempunyai jangkaan yang lebih luas melalui pemasaran dalam talian akan menjadi lebih murah. Inisiatif lain adalah dengan meningkatkan kemudahan dan perkhidmatan pengeluaran agensinya secara berterusan untuk menampung kapasiti yang semakin meningkat dan juga melahirkan *biopreneurs* utama dan usahawan.

TPM juga kata beliau membantu syarikat Korea untuk membukakan makmal mereka. "Kami juga telah menyediakan kursus jangka pendek kepada syarikat Korea dan Jepun bagi perkhidmatan makmal halal.

"TPM pernah bekerjasama dengan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) bagi inisiatif R&D. Kerjasama ini selari dengan fokus utama kami untuk menggalakkan dan membangunkan sektor bioteknologi herba dari peringkat

akar umbi dengan sasaran terdiri daripada bakal usahawan dan PKS," tambahnya.

Dalam perjalanan apa jua perniagaan, terdapat pelbagai cabaran yang akan kita hadapi seperti isu-isu yang berkaitan dengan struktur kos, persaingan, persembangan teknologi dan modal insan.

Cabaran dalam perkhidmatan inkubator adalah menjadi tanggungjawab TPM untuk memupuk usahawan teknologi baharu dan usahawan dalam bidang masing-masing dengan memastikan kejayaan pengkomersialan produk dan perkhidmatan mereka.

Cabaran lain adalah tidak semua yang baharu boleh dikomersialkan ke dalam pasaran. Beberapa idea-idea baharu yang benar-benar khusus hanya diperlukan atau digunakan oleh agensi-agensi kerajaan untuk pembangunan masyarakat.

Antara cabaran utama yang dihadapi TPM sebagai inkubator adalah proses mendidik syarikat baharu atau syarikat-syarikat mengenal keperluan untuk mematuhi peraturan kerajaan untuk pembiayaan dan geran untuk projek-projek mereka. Permohonan untuk geran dan pembiayaan adalah salah satu cabaran terbesar.

PROSES TRANSFORMASI TPM

- Membangun dan membentuk kumpulan
- Mengenal pasti teknologi bidang tujuhan (*niche industry*) yang mempunyai kemampuan dan yang sesuai dalam negara
- Menjalankan S&T agenda sebagai teknologi peneraju untuk membentuk kumpulan
- Meningkatkan perkhidmatan dan kemudahan pendekatan holistik
- Mengukuhkan penjenamaan bagi meningkatkan imej persatuan yang kukuh dengan S&T
- Mengertakan kecekapan TPM dalam menyokong kemajuan sains dan teknologi
- Membangunkan pasaran awam untuk TPM
- Pusat Sains Halal Transformasi TPM
- Mengubah TPM sebagai taman teknologi bertaraf dunia

Pencapaian mengagumkan

Technology Park Malaysia (TPM) berbangga bahawa pada tahun 2015, pencapaian skor Indeks Petunjuk Prestasi (KPI) mengagumkan sebanyak 92 peratus berbanding 90 peratus untuk kedua-dua bagi tahun 2014 dan 2013.

Pencapaian keseluruhan bagi kedua-dua tahun dianggap sangat baik dan di luar jangkaan.

Sejak tiga tahun yang lalu, senario ekonomi adalah sangat mencabar. Walau bagaimanapun, ia tidak menghalang TPM untuk mengambil inisiatif dalam meneroka langkah-langkah strategik untuk meningkatkan kecekapan operasinya.

Antara inisiatif utama ialah pelaksanaan Sistem TPM *Enterprise Management* yang bertujuan untuk meningkatkan kecekapan, integriti, labir urus korporat dan letakusan operas.

Sistem tersebut adalah amalan terbaik antarabangsa yang membolehkan semua pakej memperoleh pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk menyumbang secara positif untuk meningkatkan kecekapan dan produktiviti keseluruhan syarikat.

Diperakui sebagai pemandu dalam sistem inovasi negara, TPM akan terus memainkan peranan penting dalam transformasi ekonomi dan

sosial negara. Sumbanganannya akan membentuk asas ke arah mencapai aspirasi negara untuk menjadi sebuah ekonomi berasaskan pengetahuan dan status negara maju dalam mawajud terdekat.

Ia sangat penting bagi TPM untuk terus bergerak seiring dengan perkembangan global terkini dalam bidang sains, teknologi dan inovasi untuk memberi kuasa kepada rakyat Malaysia, usahawan dan perniagaan untuk mendapat kelebihan daya saing di pasaran antarabangsa.

Selain mengekalkan peranan pembangunan yang kritikal dalam menyokong agenda sains, teknologi dan inovasi (STI) kebangsaan, TPM akan terus melaksanakan inisiatif baharu untuk terus mencapai tahap yang lebih tinggi dan kepimpinan pasaran sejajar dengan wawasan jangka panjang dan misinya.

Untuk mencapai kejayaan yang lebih besar sebagai bertaraf dunia *technopolis*, TPM telah membangunkan pelan strategik jangka panjang yang menyuisikan diri dengan perubahan persekitaran ekonomi global dengan pesat.

Pelan hala tuju ini menggabungkan unsur-unsur utama transformasi fizikal, kemajuan teknologi dan amalan perniagaan terbaik antarabangsa.



ANTARA produk-produk TPM Biotech.